

# Bakar bendera: Malaysia tiada hasrat buat bantahan

Oleh Mutazar Abd Ghani dan Ridzuan Yop

GEORGETOWN. Selasa. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak berhasrat mengemukakan bantahan rasmi berhubung pembakaran Jalur Gemilang oleh segelintir rakyat Indonesia di Jakarta semalam.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu hanya dilakukan segelintir rakyat negara itu yang bertindak keterlaluan serta tidak bertanggungjawab, dan bukan pendirian kerajaan Indonesia.

Katanya, Indonesia mempunyai seramai 220 juta penduduk dan tindakan membakar bendera Malaysia oleh kumpulan kecil tertentu di negara itu

tidak menggambarkan keseluruhan sikap rakyat republik itu.

“Tindakan itu tidak mencerminkan sikap Indonesia dan kita tak nak protes dalam keadaan ini. Kita anggap perkara ini ‘gampang’ dalam perkaaan orang Indonesia,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan sempena seminar Membangun Bersama Pulau Pinang, di Hotel Equatorial, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Ditanya mengenai hukuman sebat ke atas pendatang tanpa izin yang menjadi punca bantahan itu, Dr Mahathir berkata, negara lain juga mempunyai undang-undang sama yang lebih keras.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan rakyat negara ini tidak pergi ke negara berkenaan buat sementara seperti dinasihatkan Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar, sehingga keadaan menjadi lebih tenang.

Mengenai langkah parti Keadilan Nasional (Keadilan) menyokong Hudud Pas, Perdana Menteri berkata:

“Dia (Keadilan) memang tidak faham hukum hudud dan menyokong atas dasar

politik hendak mencari undi. Keadilan kini jadi alat Pas.”

Ditanya seorang pemberita asing berhubung janji Abdullah untuk mengemukakan timbalannya selepas pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pэндang, tetapi sehingga ini belum mengu-

mumkannya, Dr Mahathir berkata, Abdullah tidak menetapkan tempoh tertentu, sama ada sebulan atau enam bulan untuk mengumumkannya.

“Dia (Abdullah) hanya kata nak umum lepas pilihan raya, tetapi tidak menetapkan tempohnya. Se-

hingga ini masih selepas pilihan raya, jadi harap anda dapat bersabar,” katanya.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut meminta jurang ekonomi yang ketara antara orang Melayu dan bukan Melayu ditangani dengan fikiran waras

dan tenang.

“Jurang ekonomi di bandar dan luar bandar dah lama kita tahu. Kita nak betulkan perkara ini dengan waras dan tenang...tentukan sebabnya dan respon dari orang Melayu mesti diambil kira,” katanya.